

Sejauh mana alat ini berkesan mencegah kehamilan?

ADR sangat berkesan untuk mencegah kehamilan. Keberkesanannya hampir 100% dan setanding pil serta suntikan.


Berapa lamakah ADR boleh digunakan?

ADR boleh digunakan bagi tempoh 3 hingga 10 tahun mengikut jenis yang digunakan. Jika inginkan anak lagi, ADR boleh dikeluarkan. Walaubagaimanapun, ini hendaklah dilakukan atas nasihat doktor.


Apakah kesan sampingannya?

Kesan sampingan yang mungkin berlaku ialah darah haid keluar sedikit-sedikit selama beberapa hari. Kadang-kadang lebih banyak dari haid biasa. Terdapat juga ibu-ibu yang mengalami sakit pinggang, sakit ari-ari dan kejang ketika keluar haid.

Kesemua ini akan hilang dalam masa yang singkat. Sekiranya kesan sampingan ini berlanjutan, ibu-ibu perlu mendapatkan nasihat petugas kesihatan yang terdekat. Walaubagaimanapun, kejadian ini jarang berlaku.



Alat Dalam Rahim



ADR

Alat Dalam Rahim

Apakah Alat Dalam Rahim (ADR)?

Alat Dalam Rahim (ADR) adalah sejenis alat yang dimasukkan ke dalam rahim untuk mencegah kehamilan.

Bagaimana ADR boleh mencegah kehamilan?

ADR menghalang proses persenyawaan dengan mengganggu perjalanan sperma hingga tidak dapat bercantum dengan telur.

Bagaimana cara menggunakannya?

Doktor akan membuat pemeriksaan pelvik dan memasukkan ADR ke dalam rahim.

Bilakah ADR dimasukkan ke dalam rahim?

Masa yang sesuai untuk memasang ADR ialah:

- Pada penghujung kedatangan haid
- Selepas 6 minggu bagi ibu yang bersalin melalui faraj
- Selepas 3 hingga 6 bulan sekiranya bersalin secara pembedahan

Adakah pembedahan perlu dijalankan?

Pembedahan tidak diperlukan. ADR dipasang ke dalam rahim dengan mudah dan memerlukan masa yang singkat.

